

## Pemeriksaan Bahasa Melayu dalam Kontrak Perbankan Islam di Malaysia

### *(Empowering the Malay Language in Islamic Banking Contracts in Malaysia)*

Ruzian Markom<sup>1\*</sup>, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: ruzian@ukm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: izzatamsyar@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Ruzian Markom  
(ruzian@ukm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Bahasa Melayu  
Bahasa perundangan  
Kontrak perbankan Islam  
Kebolehfahaman kontrak  
Standardisasi terminologi

#### KEYWORDS:

Contract understandability  
Islamic banking contracts  
Legal infrastructure  
Legal language  
Terminology standardisation

#### CITATION:

Ruzian, M. & Mohd Izzat Amsyar, M. A.  
(2026). Pemeriksaan Bahasa Melayu dalam  
Kontrak Perbankan Islam di Malaysia.  
*Malaysian Journal of Social Sciences and  
Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004217.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4217>

#### ABSTRAK

Artikel ini menganalisis pemeriksaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada peranan standardisasi terminologi dalam meningkatkan kebolehfahaman kontrak, perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan perundangan doktrinal yang disokong oleh analisis kandungan dan kajian eksploratori melalui soal selidik terhadap 18 orang pakar dan pihak berkepentingan yang terdiri daripada ahli akademik, hakim dan pegawai kehakiman. Analisis memberi tumpuan kepada kerangka perundangan perbankan Islam, dokumentasi kontrak, penggunaan terminologi Syariah dan bahasa perundangan serta keperluan standardisasi Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa cabaran utama bukan semata-mata berkaitan penggunaan Bahasa Melayu, tetapi ketiadaan terminologi yang seragam, tepat dan mudah difahami dalam dokumentasi kontrak. Standardisasi dokumentasi sedia ada perlu dilengkapi dengan standardisasi terminologi bagi mengurangkan jurang makna antara institusi kewangan dengan pelanggan serta menyokong pembentukan persetujuan kontrak yang bermakna (meaningful assent). Berdasarkan dapatan tersebut, artikel ini mencadangkan satu kerangka perundangan berasaskan konsep legal infrastructure yang mengintegrasikan lima dimensi, iaitu normatif, institusi, operasional, terminologi dan hasil. Kerangka ini menempatkan standardisasi terminologi Bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada infrastruktur perundangan yang menyokong kebolehfahaman kontrak, perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang dalam perbankan Islam di Malaysia.

#### ABSTRACT

This article examines the empowerment of the Malay language in Islamic banking contract documentation in Malaysia, with particular emphasis on the role of terminology standardisation in enhancing contract understandability, consumer protection and legal certainty. The study adopts a doctrinal legal research approach supported by content analysis and an exploratory survey involving 18 experts and stakeholders comprising academics, judges, and judicial officers. The analysis focuses on the Islamic banking legal framework, contract documentation, the use of Shariah and legal terminology, and the need for Malay terminology standardisation. The findings indicate that the principal challenge is not merely the use of the Malay language, but the absence of terminology that is standardised, conceptually accurate and readily understandable in Islamic banking contract documentation. Existing documentation standardisation therefore needs to be complemented by terminology standardisation to reduce the gap between the meaning intended by financial institutions and the understanding of customers, while supporting meaningful assent. Based on these findings, the article proposes a legal framework grounded in the concept of legal infrastructure, integrating five dimensions: normative, institutional, operational, terminological and outcome. The framework positions Malay terminology standardisation as a component of legal infrastructure that supports contract understandability, consumer protection and legal certainty in Islamic banking in Malaysia.

---

## 1. Pengenalan

Kontrak bukan sekadar dokumen yang merekodkan persetujuan antara pihak-pihak, sebaliknya merupakan instrumen yang menentukan hak, obligasi dan remedi sekiranya berlaku pertikaian. Oleh itu, keberkesanan sesuatu kontrak bukan hanya bergantung kepada kesahihan undang-undangnya, malah turut dipengaruhi oleh kejelasan bahasa yang digunakan. Bahasa yang kabur atau terlalu teknikal boleh menimbulkan pelbagai tafsiran sehingga menjejaskan kepastian undang-undang dan perlindungan pengguna. Dalam konteks ini, bahasa undang-undang yang jelas dan standard berfungsi sebagai mekanisme yang mengurangkan perbezaan tafsiran serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap hak dan tanggungjawab mereka (Sinal, 2019).

Dalam sektor perbankan Islam, kontrak bukan sahaja berfungsi sebagai instrumen komersial tetapi juga sebagai mekanisme bagi memastikan transaksi dilaksanakan selaras dengan prinsip Syariah, sekali gus menjadikan ketepatan bahasa dan dokumentasi sebagai elemen yang penting dalam pembentukan kontrak.

Walaupun kontrak menjadi asas kepada hubungan undang-undang antara institusi kewangan dan pelanggan, kewujudan sesuatu kontrak tidak semestinya menjamin bahawa pengguna benar-benar memahami kandungannya. Dalam amalan semasa, pengguna lazimnya dianggap telah memberikan persetujuan sebaik sahaja kontrak ditandatangani, walaupun dokumentasi tersebut mungkin mengandungi bahasa yang kompleks, istilah teknikal atau struktur yang sukar difahami. Keadaan ini menimbulkan

persoalan sama ada persetujuan yang diberikan benar-benar mencerminkan persetujuan yang bermakna (*meaningful assent*) atau sekadar memenuhi formaliti kontrak. Dari perspektif kebolehfahaman, kesukaran kontrak bukan semata-mata berpunca daripada sifat teknikal konsep undang-undang, tetapi juga daripada ciri penulisan dan struktur bahasa yang menyukarkan pemprosesan pembaca.

Dalam konteks Malaysia, perkembangan pesat industri perbankan Islam telah menghasilkan pelbagai dokumentasi kontrak yang melibatkan instrumen seperti murābahah, mushārahah, ijārah, wakālah dan muḍārahah. Walaupun Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, kebanyakan kontrak perbankan Islam masih menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama atau menggabungkan istilah Arab dan Bahasa Inggeris yang bersifat teknikal. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan cabaran kepada pengguna yang kurang menguasai bahasa tersebut, malah boleh menjejaskan kefahaman terhadap hak, tanggungjawab dan implikasi undang-undang sesuatu kontrak. Kajian mengenai dasar bahasa di Malaysia turut menunjukkan bahawa kedudukan Bahasa Melayu sentiasa berkembang dalam kerangka perancangan bahasa negara, namun penggunaan Bahasa Inggeris masih dominan dalam sektor profesional dan komersial akibat faktor sejarah, globalisasi dan keperluan ekonomi (Rahman et al., 2022). Isu bahasa dalam dokumen undang-undang juga perlu dilihat dalam konteks kedudukan Bahasa Melayu dan penggunaan dwibahasa dalam sistem kehakiman Malaysia (Tan et al., 2023).

Keperluan memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu turut diperkasakan melalui Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023–2030, yang menekankan usaha memperluas fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, penyelidikan dan komunikasi profesional. Walaupun pelan ini memberi penekanan kepada sektor pendidikan tinggi, aspirasi yang digariskan mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap pembangunan bahasa dalam bidang profesional, termasuk sektor perundangan dan kewangan Islam (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

Pada masa yang sama, penggunaan Bahasa Melayu dalam kontrak perbankan Islam tidak boleh dilihat sebagai proses penterjemahan semata-mata. Bahasa kontrak memerlukan ketepatan istilah bagi memastikan maksud perundangan dan prinsip Syariah dikekalkan tanpa menimbulkan kekeliruan. Alhomoud (2022) menjelaskan bahawa penterjemahan istilah undang-undang Syariah memerlukan keseimbangan antara ketepatan makna, konteks budaya dan kesan perundangan kerana kesilapan terjemahan boleh menjejaskan hak pihak-pihak dalam kontrak. Oleh itu, pembangunan terminologi yang standard merupakan prasyarat penting dalam usaha memperluas penggunaan Bahasa Melayu dalam kontrak perbankan Islam.

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan bahasa undang-undang, dasar bahasa kebangsaan, dokumentasi kontrak dan penterjemahan istilah Syariah secara berasingan, masih terdapat kekurangan kajian yang menghubungkan penggunaan Bahasa Melayu dengan kebolehfahaman kontrak (*contract understandability*), kepastian undang-undang dan perlindungan pengguna dalam konteks kontrak perbankan Islam di Malaysia. Lebih penting lagi, belum terdapat kerangka yang menjelaskan bagaimana standardisasi terminologi Bahasa Melayu boleh menyumbang kepada pembentukan kontrak yang lebih mudah difahami tanpa menjejaskan ketepatan konsep Syariah.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Kontrak perbankan Islam merupakan instrumen perundangan yang mengawal hubungan antara institusi kewangan Islam dan pelanggan melalui penetapan hak, obligasi dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkontrak. Di Malaysia, penyediaan dokumentasi kontrak perbankan Islam bukan sahaja perlu mematuhi prinsip Syariah dan undang-undang kontrak, malah tertakluk kepada kerangka pengawalseliaan yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia. Sejak tahun 2013, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan beberapa Shariah Contract-based Policy Documents yang menjadi rujukan utama institusi kewangan Islam dalam pembangunan produk, penyediaan dokumentasi kontrak serta pematuan Syariah. Melalui dokumen-dokumen tersebut, aspek product structuring and documentation diberikan penekanan sebagai sebahagian daripada keperluan operasi bagi memastikan keseragaman amalan industri dan pematuan terhadap kehendak Syariah (Bank Negara Malaysia, 2024).

Walaupun kerangka pengawalseliaan tersebut berjaya menyeragamkan dokumentasi kontrak, persoalan mengenai tahap kefahaman pengguna terhadap kandungan kontrak masih menjadi isu yang memerlukan perhatian. Hal ini kerana dokumentasi kontrak perbankan Islam lazimnya disediakan dalam bentuk kontrak seragam (contract of adhesion), iaitu kontrak yang telah ditetapkan terlebih dahulu oleh institusi kewangan dan hanya memberi pilihan kepada pelanggan sama ada menerima atau menolak syarat yang ditawarkan. Dalam keadaan sedemikian, pengguna mempunyai ruang yang amat terhad untuk merundingkan kandungan kontrak, menyebabkan kefahaman terhadap bahasa, istilah dan implikasi perundangan kontrak menjadi semakin penting (Mohd Yusof et.al., 2025).

Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi bukan lagi pada aspek pematuan dokumentasi, tetapi bagaimana dokumentasi tersebut dapat dikomunikasikan kepada pengguna dalam bahasa yang jelas dan mudah difahami.

Kajian empirikal terkini menunjukkan bahawa walaupun pelanggan mempunyai tahap kesedaran undang-undang yang sederhana terhadap kontrak pembiayaan Islam, pemahaman mereka terhadap istilah Syariah, istilah Arab dan klausa teknikal masih belum memuaskan. Malah, kajian tersebut mendapati bahawa standardisasi dokumentasi sahaja tidak semestinya meningkatkan kefahaman pengguna terhadap kandungan kontrak. Dapatan ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh dokumentasi kontrak tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek pematuan Syariah dan keseragaman dokumen, tetapi perlu turut mengambil kira aspek kebolehfahaman bahasa yang digunakan dalam kontrak (Mohd Yusof et.al., 2025).

Dalam konteks Malaysia, cabaran tersebut menjadi lebih signifikan kerana penyediaan dokumentasi kontrak banyak dipengaruhi oleh Policy Documents Bank Negara Malaysia yang diterbitkan dalam Bahasa Inggeris serta penggunaan istilah fiqh Arab yang mempunyai makna teknikal yang khusus. Walaupun penggunaan istilah tersebut penting bagi mengekalkan ketepatan konsep Syariah, keadaan ini berpotensi menyukarkan pengguna yang tidak mempunyai latar belakang undang-undang atau kewangan Islam untuk memahami hak, tanggungjawab dan implikasi kontrak yang ditandatangani. Persoalan ini menimbulkan keperluan untuk menilai semula peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa dokumentasi kontrak yang bukan sahaja tepat dari sudut terminologi, tetapi juga mudah difahami oleh pengguna.

Walaupun terdapat kajian yang membincangkan standardisasi dokumentasi kontrak, kesedaran undang-undang pelanggan dan perlindungan pengguna dalam perbankan Islam, penelitian mengenai pemeraksanaan Bahasa Melayu sebagai mekanisme untuk meningkatkan kebolehfahaman kontrak masih belum diberikan perhatian secara khusus. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti bagaimana penggunaan Bahasa Melayu melalui standardisasi terminologi dapat meningkatkan kebolehfahaman kontrak perbankan Islam, seterusnya menyokong perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang dalam transaksi perbankan Islam di Malaysia. Literatur perbandingan juga menunjukkan bahawa bahasa yang rumit, legalese dan pilihan bahasa kontrak boleh menjadi halangan kepada pihak yang berkontrak, khususnya apabila bahasa komersial yang digunakan bukan bahasa utama mereka (van Eck, 2024).

## 1.2. Objektif Kajian

Berlandaskan permasalahan tersebut, artikel ini berhujah bahawa pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam tidak seharusnya dilihat sebagai pelaksanaan dasar bahasa semata-mata, tetapi sebagai mekanisme yang dapat meningkatkan kebolehfahaman kontrak, memperkukuh perlindungan pengguna dan menyokong kepastian undang-undang. Sehubungan itu, kajian ini menganalisis cabaran penggunaan Bahasa Melayu dalam penyediaan dokumentasi kontrak perbankan Islam, menilai peranan standardisasi terminologi Bahasa Melayu dalam meningkatkan kebolehfahaman kontrak, serta mencadangkan satu kerangka pemeraksanaan Bahasa Melayu yang sesuai dengan keperluan industri perbankan Islam di Malaysia.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1 Bahasa Undang-undang dan Kebolehfahaman Kontrak

Bahasa merupakan medium utama bagi menyampaikan norma, hak, obligasi dan remedi dalam sesuatu hubungan kontraktual. Dalam konteks perundangan, keberkesanan sesuatu kontrak tidak hanya bergantung kepada kesahan dan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang, tetapi turut berkait dengan sejauh mana kandungan kontrak dapat difahami oleh pihak-pihak yang terikat dengannya. Penggunaan bahasa yang kabur, terlalu teknikal atau tidak konsisten boleh meningkatkan ruang tafsiran dan seterusnya menjejaskan kepastian undang-undang. Sinal (2019) menegaskan bahawa penggunaan bahasa undang-undang yang jelas dan standard penting bagi mengurangkan perbezaan tafsiran serta meningkatkan kefahaman terhadap hak dan tanggungjawab yang terkandung dalam dokumen undang-undang.

Persoalan kebolehfahaman kontrak menjadi semakin penting apabila kontrak digunakan dalam hubungan antara institusi dengan pengguna. Dalam keadaan kontrak standard atau *contract of adhesion*, pengguna lazimnya tidak mempunyai ruang yang luas untuk merundingkan kandungan terma yang ditawarkan. Oleh itu, persetujuan melalui tandatangan atau penerimaan secara elektronik tidak semestinya menunjukkan bahawa pengguna benar-benar memahami kandungan kontrak. Konsep *meaningful assent* memberi perhatian kepada persoalan sama ada persetujuan yang diberikan benar-benar berasaskan kefahaman terhadap hak, obligasi dan implikasi undang-undang, atau sekadar memenuhi formaliti kontrak (Blasie, 2024; Rustad, 2022).

Dalam konteks perbankan Islam, isu tersebut mempunyai dimensi tambahan kerana kontrak bukan sekadar instrumen komersial. Bahasa yang digunakan perlu

menyampaikan struktur transaksi dan hak serta obligasi pihak-pihak dengan tepat, di samping mengekalkan konsep dan prinsip Syariah yang menjadi asas kepada produk tersebut. Oleh itu, kebolehfahaman kontrak perbankan Islam perlu dilihat sebagai keseimbangan antara ketepatan perundangan, ketepatan Syariah dan kejelasan bahasa.

## 2.2 Bahasa Melayu dalam Konteks Perundangan dan Profesional Malaysia

Perbincangan mengenai penggunaan Bahasa Melayu dalam dokumen perundangan perlu diletakkan dalam konteks perkembangan dasar bahasa dan penggunaan bahasa dalam sektor profesional di Malaysia. Walaupun Bahasa Melayu mempunyai kedudukan sebagai bahasa kebangsaan, Bahasa Inggeris terus mempunyai pengaruh yang signifikan dalam bidang profesional dan komersial. Rahman et al. (2022) menunjukkan bahawa perkembangan penggunaan Bahasa Melayu dalam perancangan bahasa negara berlaku dalam keadaan Bahasa Inggeris masih dominan dalam beberapa sektor profesional akibat faktor sejarah, globalisasi dan keperluan ekonomi.

Dalam bidang perundangan pula, penggunaan Bahasa Melayu perlu dilihat bersama realiti amalan dwibahasa. Keputusan kes menunjukkan bahawa isu bahasa dalam dokumen undang-undang Malaysia mempunyai hubungan dengan penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam sistem kehakiman. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemerkasaan Bahasa Melayu dalam bidang undang-undang tidak semestinya bermaksud menghapuskan penggunaan Bahasa Inggeris. Sebaliknya, cabaran utamanya ialah memastikan Bahasa Melayu mempunyai kapasiti terminologi dan konseptual yang mencukupi untuk berfungsi sebagai bahasa perundangan dan profesional secara berkesan.

Usaha memperluas fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan komunikasi profesional turut mendapat sokongan melalui Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023–2030. Walaupun pelan tersebut memberi tumpuan khusus kepada institusi pendidikan tinggi, aspirasi untuk memperkukuh Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan komunikasi profesional mempunyai implikasi yang lebih luas kepada bidang perundangan, termasuk penyediaan dokumen kontrak dan komunikasi dalam sektor kewangan Islam (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

Dalam konteks artikel ini, pemerkasaan Bahasa Melayu tidak dilihat semata-mata dari perspektif dasar bahasa. Sebaliknya, persoalan yang lebih penting ialah sama ada Bahasa Melayu mempunyai terminologi yang tepat, seragam dan sesuai untuk menyampaikan konsep perundangan serta Syariah dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam. Dengan demikian, pemerkasaan bahasa perlu bergerak daripada persoalan penggunaan bahasa kepada persoalan pembangunan infrastruktur terminologi yang menyokong fungsi bahasa tersebut.

## 2.3 Terminologi Syariah dan Penterjemahan Bahasa Perundangan

Kontrak perbankan Islam mempunyai ciri linguistik yang tersendiri kerana kandungannya menggabungkan bahasa perundangan, kewangan dan istilah Syariah yang sebahagiannya berasal daripada bahasa Arab. Istilah seperti *murābahah*, *mushārahah*, *ijārah*, *wakālah* dan *muḍārabah* bukan sekadar label kepada sesuatu produk, tetapi merujuk kepada konsep dan struktur kontrak tertentu. Oleh itu, proses

menterjemahkan atau memadankan istilah tersebut kepada Bahasa Melayu tidak boleh disamakan dengan penterjemahan istilah umum.

Alhomoud (2022) menjelaskan bahawa penterjemahan istilah undang-undang Syariah memerlukan keseimbangan antara ketepatan makna, konteks budaya dan kesan perundangan. Kesilapan dalam pemilihan istilah boleh menyebabkan perubahan atau kekaburan terhadap konsep asal dan seterusnya memberi implikasi kepada hak serta tanggungjawab pihak-pihak dalam kontrak. Justeru, terjemahan literal semata-mata tidak semestinya menghasilkan padanan terminologi yang tepat dari perspektif Syariah dan undang-undang.

Persoalan tersebut juga menunjukkan bahawa terminologi mempunyai fungsi yang lebih besar daripada sekadar fungsi linguistik. Sesuatu istilah yang digunakan dalam kontrak membawa makna normatif dan mempunyai kesan terhadap bagaimana sesuatu transaksi difahami dan dilaksanakan. Oleh itu, standardisasi terminologi memerlukan perhatian terhadap kesepadanan konsep, bukan hanya keseragaman perkataan. Dalam konteks kewangan Islam, penggunaan istilah yang tidak tepat boleh menyebabkan jurang antara konsep Syariah yang dimaksudkan dengan makna yang difahami oleh pengguna.

Perkembangan sumber terminologi muamalat di Malaysia menunjukkan bahawa usaha membangunkan padanan istilah Arab dan Bahasa Melayu telah pun wujud. Sebagai contoh, Glosari Muamalat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menyediakan padanan istilah seperti *aqd* sebagai kontrak serta istilah-istilah lain yang mempunyai penerangan dalam Bahasa Melayu. Pada peringkat institusi kewangan pula, glosari produk turut digunakan untuk menerangkan istilah Arab kepada pelanggan. Namun demikian, kewujudan glosari tidak dengan sendirinya menjamin bahawa istilah tersebut digunakan secara konsisten dan bersepadu dalam keseluruhan dokumentasi kontrak.

Oleh itu, keperluan utama bukan sekadar menghasilkan lebih banyak terjemahan istilah, tetapi membangunkan mekanisme standardisasi yang menentukan istilah yang sesuai, makna yang diterima, konteks penggunaannya dan hubungan istilah tersebut dengan konsep Syariah serta undang-undang. Pendekatan sedemikian penting bagi memastikan pemeraksanaan Bahasa Melayu tidak mengorbankan ketepatan konsep Syariah.

## **2.4 Standardisasi Dokumentasi dan Terminologi dalam Perbankan Islam**

Standardisasi dokumentasi merupakan salah satu isu penting dalam perkembangan perbankan Islam di Malaysia. Bank Negara Malaysia telah lama menggalakkan standardisasi dokumentasi, produk dan amalan bagi meningkatkan kepastian, kebolehamalan dan ketelusan dalam transaksi kewangan Islam. Standardisasi juga bertujuan memastikan pihak-pihak dapat memahami hak dan obligasi mereka dengan lebih baik.

Kajian Mohd Yusoff et al. (2019) mengenai standardisasi dokumentasi undang-undang dalam pembiayaan perumahan Islam di Malaysia menunjukkan bahawa dokumentasi standard perlu bukan sahaja mematuhi Syariah tetapi juga bersifat mesra pengguna. Kajian tersebut menegaskan bahawa standardisasi mempunyai nilai dari perspektif *maslahah* kerana ia berpotensi melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi.

Walau bagaimanapun, standardisasi dokumentasi tidak semestinya sama dengan standardisasi bahasa dan terminologi. Standardisasi dokumen boleh menghasilkan struktur, klausa dan format yang lebih seragam, tetapi pengguna masih mungkin menghadapi kesukaran memahami istilah teknikal yang digunakan. Kajian Mohd Yusoff (2020) mengenai kesedaran dan kefahaman pelanggan terhadap dokumentasi pembiayaan perumahan Islam mendapati bahawa standardisasi dokumentasi tidak semestinya meningkatkan tahap kefahaman pelanggan. Dapatan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa persoalan kefahaman perlu ditangani pada peringkat bahasa dan terminologi, bukan hanya pada peringkat struktur dokumentasi.

Dalam kerangka pengawalseliaan Malaysia, usaha menyeragamkan kefahaman terhadap kontrak Syariah turut dapat dilihat melalui penerbitan parameter Syariah oleh Bank Negara Malaysia. Parameter tersebut bertujuan menjelaskan konsep, prinsip dan syarat kontrak Syariah serta membantu institusi kewangan dan pengamal industri dalam mereka bentuk dan melaksanakan produk kewangan Islam. Peranan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pula penting dalam memastikan konsistensi penggunaan keputusan Syariah dalam industri kewangan Islam.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa standardisasi dalam kewangan Islam telah mempunyai asas yang kukuh pada peringkat produk, kontrak, prinsip Syariah dan pengawalseliaan. Namun, satu persoalan masih memerlukan penelitian, iaitu bagaimana standardisasi tersebut diterjemahkan kepada standardisasi terminologi Bahasa Melayu yang dapat mengekalkan ketepatan konsep Syariah serta meningkatkan kefahaman pengguna.

## **2.5 Bahasa, Perlindungan Pengguna dan Kepastian Undang-undang**

Kebolehfahaman kontrak mempunyai hubungan langsung dengan perlindungan pengguna. Dalam hubungan kontrak standard, pengguna berada pada kedudukan yang kurang berkuasa untuk mempengaruhi kandungan kontrak. Oleh itu, kejelasan bahasa menjadi salah satu mekanisme yang membolehkan pengguna mengetahui hak, tanggungjawab, risiko dan remedi yang berkaitan dengan transaksi.

Dalam perbankan Islam, persoalan tersebut menjadi lebih kompleks kerana pengguna perlu memahami bukan sahaja terma perundangan tetapi juga konsep Syariah yang mendasari sesuatu produk. Sekiranya istilah yang digunakan tidak jelas atau mempunyai maksud yang berbeza antara dokumen, institusi dan pengguna, keadaan tersebut boleh mewujudkan jurang kefahaman yang akhirnya berpotensi membawa kepada pertikaian.

Hubungan antara standardisasi dengan kepastian undang-undang juga penting dari perspektif pentafsiran kontrak. Penggunaan istilah yang konsisten membantu mengurangkan ketidakpastian mengenai maksud sesuatu terma, khususnya apabila berlaku pertikaian. Dalam konteks kewangan Islam, kepastian tersebut turut berkait dengan keperluan memastikan konsep Syariah yang sama tidak diterjemahkan secara tidak konsisten dalam dokumen yang berlainan.

Dengan demikian, bahasa kontrak mempunyai fungsi yang lebih luas daripada fungsi komunikasi. Ia merupakan sebahagian daripada mekanisme yang menghubungkan norma perundangan dengan pelaksanaan sebenar hubungan kontraktual. Dalam erti kata lain, hak dan obligasi yang diperuntukkan oleh undang-undang hanya dapat

berfungsi secara efektif apabila diterjemahkan kepada bahasa kontrak yang dapat difahami oleh pihak yang terikat dengannya.

Pendekatan ini selari dengan konsep *legal infrastructure* yang melihat undang-undang bukan hanya sebagai kumpulan peraturan formal, tetapi sebagai suatu susunan norma, institusi dan amalan yang membolehkan undang-undang berfungsi dalam masyarakat. Byrne et al. (2024) menekankan kepentingan melihat hubungan antara norma, institusi dan mekanisme pelaksanaan. Dalam konteks artikel ini, bahasa dan terminologi kontrak merupakan salah satu mekanisme yang menghubungkan norma perundangan dan Syariah dengan pemahaman serta tindakan pengguna.

## 2.6 Jurang Literatur

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, terdapat beberapa jurang yang menjadi asas kepada kajian ini.

Pertama, literatur mengenai bahasa undang-undang banyak menumpukan persoalan kejelasan, legalese dan kebolehfahaman teks, manakala literatur mengenai perbankan Islam lebih banyak memberi perhatian kepada pematuhan Syariah, struktur produk dan standardisasi dokumentasi. Kedua-dua aliran literatur tersebut masih kurang dihubungkan secara sistematik untuk menjelaskan peranan Bahasa Melayu sebagai medium penyampaian hak, obligasi dan konsep Syariah dalam kontrak perbankan Islam.

Kedua, kajian mengenai standardisasi dokumentasi perbankan Islam menunjukkan bahawa keseragaman dokumen penting bagi meningkatkan kepastian dan perlindungan pihak-pihak. Walau bagaimanapun, dapatan kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa standardisasi dokumentasi tidak semestinya meningkatkan kefahaman pelanggan. Keadaan ini menunjukkan kewujudan satu dimensi yang belum diberikan perhatian secukupnya, iaitu standardisasi terminologi yang digunakan dalam dokumentasi tersebut.

Ketiga, kajian mengenai penterjemahan istilah Syariah menekankan kepentingan ketepatan makna, konteks dan kesepadanan konsep. Namun, masih kurang kajian yang menghubungkan isu terminologi Syariah dengan kebolehfahaman kontrak, perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang secara serentak dalam konteks perbankan Islam Malaysia.

Keempat, walaupun terdapat institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing, seperti Bank Negara Malaysia dalam pengawalseliaan kewangan Islam, Majlis Penasihat Syariah dalam penentuan hukum Syariah dan institusi bahasa dalam pembangunan terminologi, masih kurang perhatian diberikan kepada mekanisme koordinasi yang menghubungkan kepakaran tersebut dalam menghasilkan terminologi kontrak Bahasa Melayu yang konsisten.

Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menempatkan standardisasi terminologi Bahasa Melayu bukan sebagai isu penterjemahan semata-mata, tetapi sebagai komponen kepada kebolehfahaman kontrak, perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang. Pendekatan ini seterusnya membolehkan kajian mencadangkan satu kerangka yang menghubungkan dimensi normatif, institusi, operasional, terminologi dan hasil. Kerangka tersebut meletakkan pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam konteks *legal infrastructure*, iaitu sebagai sebahagian daripada

mekanisme yang membolehkan norma undang-undang dan Syariah diterjemahkan secara tepat, konsisten dan difahami dalam hubungan kontraktual perbankan Islam.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan perundangan doktrinal (doctrinal legal research) yang disokong oleh analisis kandungan (content analysis) dan kajian eksploratori melalui soal selidik. Pendekatan doktrinal digunakan bagi menganalisis sumber perundangan primer yang merangkumi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, *Shariah Contract-based Policy Documents* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia serta dokumen lain yang berkaitan dengan penyediaan kontrak perbankan Islam. Sumber sekunder pula terdiri daripada artikel jurnal, buku, laporan penyelidikan dan penulisan akademik yang membincangkan dokumentasi kontrak, bahasa perundangan, standardisasi terminologi dan perlindungan pengguna dalam perbankan Islam. Analisis kandungan dilaksanakan bagi mengenal pasti isu penggunaan Bahasa Melayu, terminologi Syariah dan bahasa perundangan dalam dokumentasi kontrak serta hubungannya dengan kebolehfahaman kontrak.

Bagi melengkapkan analisis tersebut, satu kajian eksploratori telah dijalankan menggunakan soal selidik yang melibatkan 18 orang pakar dan pihak berkepentingan, terdiri daripada ahli akademik, hakim dan pegawai kehakiman mahkamah. Pemilihan peserta dibuat secara bertujuan (purposive sampling) berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang undang-undang, kehakiman dan penyediaan dokumen perundangan. Pendekatan ini dipilih kerana objektif kajian adalah untuk mendapatkan pandangan profesional daripada individu yang mempunyai pengalaman dalam mentafsir dan mengaplikasikan dokumen perundangan, dan bukannya membuat generalisasi terhadap populasi.

Soal selidik ini bertujuan mendapatkan pandangan mengenai cabaran penggunaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam, keperluan standardisasi terminologi serta potensinya dalam meningkatkan kebolehfahaman kontrak. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disintesis dengan dapatan analisis dokumen bagi membentuk cadangan kerangka pemerkasaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam di Malaysia. Pemilihan hakim, pegawai kehakiman dan ahli akademik dibuat kerana kumpulan ini mempunyai pengalaman dalam mentafsir, mengaplikasi dan menilai dokumen perundangan, sekali gus mampu memberikan pandangan yang berautoriti mengenai kejelasan bahasa, ketepatan terminologi dan implikasinya terhadap kefahaman serta kepastian undang-undang.

### 4. Hasil Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran utama dalam penyediaan dokumentasi kontrak perbankan Islam bukan sekadar berkaitan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa dokumentasi, tetapi lebih tertumpu kepada isu kebolehfahaman kontrak yang berpunca daripada penggunaan terminologi Syariah, istilah teknikal perundangan serta pengaruh dokumen pengawalseliaan yang kebanyakannya diterbitkan dalam Bahasa Inggeris. Keadaan ini menyebabkan proses penyediaan dokumentasi kontrak memerlukan keseimbangan antara ketepatan konsep Syariah, pematuhan kepada kehendak pengawalseliaan dan kejelasan bahasa supaya kandungan kontrak dapat difahami oleh pengguna.

Maklumbalas yang dikemukakan melalui soal selidik oleh ahli akademik, hakim dan pegawai kehakiman menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam perlu memenuhi dua keperluan utama. Pertama, bahasa tersebut hendaklah mengekalkan ketepatan istilah Syariah dan maksud perundangan sebagaimana yang ditetapkan dalam Polisi Dokumen Bank Negara Malaysia. Kedua, bahasa yang digunakan perlu cukup jelas dan mudah difahami oleh pengguna agar mereka benar-benar memahami hak, obligasi serta implikasi undang-undang sebelum memberikan persetujuan terhadap kontrak yang ditandatangani. Dapatan ini mengembangkan perbincangan Markom et al. (2011) yang mengenal pasti kerumitan dokumentasi undang-undang sebagai antara cabaran dalam penghakiman kes perbankan Islam. Jika kajian tersebut menumpukan kepada implikasi dokumentasi terhadap proses litigasi, kajian ini pula menunjukkan bahawa isu tersebut bermula lebih awal, iaitu pada peringkat penyediaan dokumentasi kontrak yang mempengaruhi kefahaman pengguna sebelum kontrak dimeterai.

Dapatan ini selari dengan Mohd Yusoff et al. (2025) yang mendapati bahawa standardisasi dokumentasi kontrak sahaja tidak menjamin kefahaman pengguna terhadap kandungan kontrak. Walaupun institusi kewangan Islam menggunakan dokumentasi yang seragam, pengguna masih menghadapi kesukaran memahami istilah Syariah dan klausa teknikal yang digunakan dalam kontrak. Oleh itu, penambahbaikan dokumentasi kontrak perlu memberi perhatian bukan sahaja kepada pematuhan Syariah dan keseragaman dokumen, malah kepada kebolehfahaman bahasa yang digunakan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam bukan terletak pada penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, tetapi pada ketiadaan satu pendekatan yang dapat mengimbangi ketepatan istilah Syariah dengan kejelasan bahasa. Oleh itu, usaha memperkasakan Bahasa Melayu melalui standardisasi terminologi wajar dilihat sebagai sebahagian daripada mekanisme memperkukuh dokumentasi kontrak, meningkatkan perlindungan pengguna dan menyokong kepastian undang-undang dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.

#### **4.1 Standardisasi Terminologi Sebagai Asas Kebolehfahaman Kontrak**

Standardisasi terminologi merupakan salah satu elemen asas dalam pembangunan dokumentasi kontrak perbankan Islam yang berkualiti. Walaupun institusi kewangan Islam di Malaysia menggunakan dokumentasi kontrak yang berasaskan Polisi Dokumen yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, keseragaman struktur dokumen tidak menjamin bahawa pengguna memahami maksud istilah yang digunakan. Sebaliknya, penggunaan istilah fiqh, istilah teknikal kewangan dan bahasa perundangan yang pelbagai boleh menimbulkan kekeliruan, sekali gus menjejaskan kebolehfahaman kontrak. Oleh itu, standardisasi terminologi perlu dilihat bukan sekadar sebagai proses menyeragamkan penggunaan istilah, tetapi sebagai mekanisme yang memastikan setiap istilah mempunyai makna yang konsisten, tepat dan mudah difahami oleh semua pihak yang terlibat dalam transaksi perbankan Islam (Bank Negara Malaysia, 2024; Alhomoud, 2022).

Dapatan soal selidik bersama pakar menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan penggunaan Bahasa Melayu yang standard perlu disokong oleh pembangunan terminologi yang seragam supaya maksud konsep Syariah dapat dikekalkan tanpa menjejaskan kefahaman pengguna. Dapatan ini selari dengan Mohd Yusoff et al. (2025) yang menegaskan bahawa standardisasi dokumentasi kontrak sahaja

tidak mencukupi untuk meningkatkan kefahaman pengguna sekiranya istilah yang digunakan masih bersifat teknikal dan tidak seragam. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehfahaman kontrak (contract understandability) merupakan prasyarat kepada pembentukan persetujuan kontrak yang bermakna (meaningful assent), iaitu persetujuan yang diberikan berdasarkan kefahaman sebenar terhadap hak, obligasi dan implikasi undang-undang sesuatu kontrak (Blasie, 2024; Rustad, 2022).

Keperluan kepada keseragaman terminologi turut mempunyai implikasi yang penting dari sudut pentafsiran undang-undang. Dalam amalan litigasi, sesuatu istilah yang digunakan secara tidak konsisten boleh membuka ruang kepada tafsiran yang berbeza oleh pihak-pihak yang berkontrak, pakar Syariah mahupun mahkamah. Oleh itu, standardisasi terminologi berfungsi mengurangkan ketidakpastian undang-undang (legal uncertainty) dengan mewujudkan rujukan istilah yang seragam dalam dokumentasi kontrak. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan penyediaan kontrak oleh institusi kewangan Islam, malah membantu hakim dan pengamal undang-undang mentafsir kandungan kontrak secara lebih konsisten (Endicott, 2000; Fuller, 1969).

Kepentingan standardisasi terminologi dan dokumentasi kontrak turut disokong oleh Markom et al. (2011) yang mengenal pasti bahawa antara cabaran utama dalam pengadilan kes-kes perbankan Islam di Malaysia ialah ketidakcukupan kerangka perundangan sedia ada, kerumitan dokumentasi undang-undang, kompetensi hakim mahkamah sivil dan penggunaan keterangan pakar. Penulis turut menjelaskan bahawa Islamic Banking Act 1983 lebih menumpukan kepada aspek struktur dan pengawalseliaan institusi perbankan Islam berbanding menyediakan undang-undang substantif mengenai kontrak dan produk perbankan Islam. Keadaan ini menyebabkan mahkamah banyak bergantung kepada prinsip undang-undang kontrak dan statut sivil dalam mentafsir pertikaian perbankan Islam. Justeru, pembangunan dokumentasi kontrak yang jelas serta penggunaan terminologi yang standard merupakan sebahagian daripada mekanisme yang dapat mengurangkan ketidakseragaman pentafsiran dan meningkatkan kepastian undang-undang.

Kepentingan keseragaman pentafsiran ini dapat dilihat melalui perkembangan kehakiman Malaysia berkaitan peranan Majlis Penasihat Syariah (MPS). Dalam Mohd Alias Ibrahim v RHB Bank Bhd & Anor [2011] 3 MLJ 26, Mahkamah Tinggi mengiktiraf MPS sebagai sebuah badan pakar berkanun (statutory expert) yang diwujudkan bagi membantu mahkamah menentukan hukum Syariah dalam urusan kewangan Islam. Mahkamah menegaskan bahawa kewujudan MPS bertujuan memastikan keseragaman pentafsiran Syariah serta mengelakkan percanggahan pandangan dalam industri kewangan Islam.

Pendekatan tersebut diperkukuhkan dalam Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim v Bank Islam Malaysia Berhad [2012] 5 MLRA 402, apabila Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen 56 dan seksyen 57 Akta Bank Negara Malaysia 2009 merupakan peruntukan yang sah di sisi Perlembagaan kerana Parlimen mempunyai kuasa menggubal undang-undang berkaitan penentuan hukum Syariah bagi maksud undang-undang Persekutuan. Mahkamah menjelaskan bahawa fungsi MPS hanyalah untuk menentukan hukum Syariah (*ascertainment of Islamic law*), manakala fungsi mengadili pertikaian serta menentukan hak dan liabiliti pihak-pihak kekal berada dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil.

Prinsip tersebut kemudiannya disahkan secara muktamad oleh Mahkamah Persekutuan dalam *JRI Resources Sdn Bhd v Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad; President of Association of Islamic Banking Institutions Malaysia & Anor (Intervenors)* [2019] 3 MLRA 87. Mahkamah melalui penghakiman majoriti memutuskan bahawa seksyen 56 dan seksyen 57 Akta Bank Negara Malaysia 2009 tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan kerana MPS tidak menjalankan fungsi kehakiman. Sebaliknya, MPS hanya berfungsi menentukan (*ascertain*) hukum Syariah, manakala hakim terus menjalankan fungsi kehakiman dengan menilai fakta, menentukan hak serta liabiliti pihak-pihak dan mengeluarkan penghakiman. Mahkamah turut menegaskan bahawa penggunaan istilah "*ascertain*" dan bukannya "*determine*" menunjukkan bahawa MPS tidak mengambil alih kuasa mahkamah tetapi hanya menyediakan autoriti Syariah yang seragam bagi diaplikasikan oleh hakim kepada fakta sesuatu kes.

Daripada perspektif artikel ini, prinsip yang dibangunkan dalam *JRI Resources* mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam. Sekiranya pentafsiran hukum Syariah perlu diseragamkan melalui MPS bagi menjamin kepastian undang-undang, maka terminologi Bahasa Melayu yang digunakan dalam dokumentasi kontrak juga perlu diseragamkan supaya setiap istilah membawa maksud yang konsisten dalam konteks Syariah dan undang-undang. Dengan kata lain, standardisasi terminologi Bahasa Melayu merupakan pelengkap kepada standardisasi pentafsiran Syariah. Kedua-dua mekanisme ini saling melengkapi dalam membentuk dokumentasi kontrak yang lebih jelas, meningkatkan kebolehfahaman pengguna, mengurangkan pertikaian kontrak serta memperkukuh perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang dalam sistem perbankan Islam di Malaysia.

Perkembangan kerangka pengawalseliaan selepas penerbitan kajian oleh Markom et al. (2011), termasuk penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 serta penerbitan Polisi Dokumen oleh Bank Negara Malaysia, telah memperkukuh standardisasi kontrak daripada aspek pematuhan Syariah dan pengawalseliaan. Walau bagaimanapun, standardisasi tersebut masih tertumpu kepada struktur kontrak dan keperluan pematuhan institusi kewangan. Aspek kebolehfahaman bahasa, khususnya penggunaan terminologi Bahasa Melayu yang seragam dan mudah difahami oleh pengguna, masih belum diberikan perhatian secara menyeluruh. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa standardisasi terminologi bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme linguistik, malah merupakan komponen penting dalam meningkatkan kebolehfahaman kontrak, memperkukuh perlindungan pengguna dan menyokong kepastian undang-undang dalam transaksi perbankan Islam.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas bahawa standardisasi terminologi Bahasa Melayu memerlukan suatu kerangka yang sistematik bagi memastikan penggunaannya dapat dilaksanakan secara konsisten oleh institusi kewangan, pengawal selia dan pihak berkepentingan. Sehubungan itu, bahagian seterusnya mencadangkan Kerangka Standardisasi Terminologi Bahasa Melayu dalam Dokumentasi Kontrak Perbankan Islam sebagai mekanisme untuk meningkatkan kebolehfahaman kontrak, perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang.

## 4.2 Kerangka Perundangan Pemeraksanaan Bahasa Melayu Dalam Dokumentasi Kontrak

### 4.2.1 Dimensi Normatif

Dimensi normatif merupakan asas pertama dalam kerangka perundangan bagi pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam. Dimensi ini merujuk kepada keseluruhan sumber perundangan, prinsip dan dasar pengawalseliaan yang memberikan legitimasi serta arah kepada penggunaan bahasa dalam hubungan kontraktual. Dalam konteks Malaysia, asas normatif tersebut tidak hanya terdiri daripada peruntukan undang-undang yang mengawal aktiviti perbankan Islam, tetapi turut meliputi kedudukan Bahasa Melayu dalam sistem perundangan negara, prinsip kontrak serta dasar dan piawaian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan.

Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memberikan asas yang penting kepada usaha memperkuat penggunaannya dalam dokumentasi rasmi dan perundangan. Dalam konteks perbankan Islam, kedudukan tersebut perlu dilihat secara bersama dengan kerangka undang-undang yang mengawal institusi dan transaksi kewangan Islam, khususnya Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Kerangka tersebut menyediakan asas normatif bagi pengawalseliaan institusi kewangan Islam, tadbir urus Syariah serta pematuhan terhadap kehendak perundangan. Walau bagaimanapun, kewujudan kerangka normatif yang kukuh pada peringkat akta tidak menjamin bahawa makna undang-undang dapat disampaikan dengan jelas kepada pihak yang terikat dengan sesuatu kontrak. Di sinilah persoalan bahasa dan terminologi menjadi sebahagian daripada keberkesanan kerangka perundangan.

Guli dan Hoti (2025) menjelaskan bahawa hubungan antara bahasa dengan undang-undang bersifat intrinsik kerana norma undang-undang perlu dinyatakan, ditafsirkan dan difahami melalui bahasa. Bahasa undang-undang juga mempunyai ciri linguistik tersendiri yang mempengaruhi cara sesuatu norma difahami dan diterapkan. Oleh itu, persoalan ketepatan istilah tidak boleh dipisahkan daripada persoalan ketepatan makna undang-undang. Dalam konteks dokumentasi kontrak perbankan Islam, perkara ini menjadi lebih kompleks kerana kontrak lazimnya menggabungkan istilah perundangan, kewangan dan Syariah yang mempunyai makna teknikal tertentu. Penggunaan istilah yang tidak seragam atau tidak mempunyai padanan Bahasa Melayu yang jelas berpotensi mewujudkan jurang antara maksud normatif yang hendak disampaikan dengan pemahaman pihak yang terikat kepada kontrak.

Pendekatan ini selari dengan konsep *legal infrastructures* yang dikemukakan oleh Byrne et al. (2024), yang melihat undang-undang bukan sekadar sebagai kumpulan peraturan formal, tetapi sebagai suatu susunan sosio-material dan normatif yang saling berkait serta membentuk cara undang-undang berfungsi dalam masyarakat. Perspektif tersebut penting kerana keberkesanan norma tidak hanya ditentukan oleh kandungan sesuatu akta, tetapi juga oleh bagaimana norma tersebut disalurkan, diterjemahkan, digunakan dan difahami dalam amalan. Dengan kata lain, terdapat hubungan antara norma undang-undang dengan struktur dan amalan yang membolehkan norma tersebut beroperasi secara berkesan.

Dalam konteks artikel ini, dokumentasi kontrak boleh dilihat sebagai salah satu mekanisme yang menghubungkan norma perundangan dengan pelaksanaan sebenar sesuatu hubungan kontraktual. Kontrak ialah sebuah dokumen komersial yang menterjemahkan hak, kewajipan, risiko dan remedi pihak-pihak yang berkontrak. Oleh itu, bahasa yang digunakan dalam kontrak mempunyai fungsi normatif kerana ia menentukan bagaimana kandungan perjanjian disampaikan dan seterusnya difahami. Standardisasi terminologi Bahasa Melayu dalam keadaan ini memastikan istilah yang digunakan mempunyai padanan, definisi dan penggunaan yang konsisten dalam keseluruhan dokumentasi. Justeru, dimensi normatif membentuk titik permulaan kepada kerangka yang dicadangkan. Namun, kekuatan norma sahaja tidak memadai sekiranya tidak disokong oleh institusi yang mempunyai tanggungjawab untuk mentafsir, mengawal selia, melaksanakan dan menyeragamkan penggunaannya.

#### 4.2.2 Dimensi Institusi

Dimensi institusi merupakan komponen kedua dalam kerangka perundangan yang dicadangkan dan berfungsi sebagai penghubung antara asas normatif dengan pelaksanaan sebenar dokumentasi kontrak perbankan Islam. Jika dimensi normatif menentukan sumber legitimasi dan prinsip yang mendasari penggunaan Bahasa Melayu, dimensi institusi pula menentukan bagaimana prinsip tersebut diterjemahkan, diselaraskan dan dilaksanakan oleh pihak yang mempunyai fungsi perundangan, pengawalseliaan, kehakiman, kewangan dan kebahasaan. Pendekatan ini selari dengan konsep *legal infrastructures* yang menekankan bahawa keberkesanan undang-undang bergantung kepada hubungan antara norma dengan institusi serta struktur yang membolehkan norma tersebut beroperasi dalam amalan.

Dalam konteks perbankan Islam Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan institusi utama yang mempunyai fungsi pengawalseliaan terhadap sistem kewangan Islam. Melalui kuasa perundangan, dasar, standard dan garis panduan yang dikeluarkan, BNM membentuk kehendak pematuhan institusi kewangan Islam dan kandungan dokumentasi yang digunakan dalam hubungan dengan pelanggan. Kedudukan ini menjadikan BNM sebagai penyelaras keperluan pengawalseliaan dengan standard terminologi yang dibangunkan melalui kerjasama institusi berkaitan.

Seterusnya, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti dan produk kewangan Islam mematuhi prinsip Syariah. Akta Bank Negara Malaysia 2009 memberikan kedudukan statutori kepada MPS dalam menentukan hukum Syariah bagi tujuan perniagaan kewangan Islam yang berada dalam bidang kuasanya. Oleh sebab kontrak perbankan Islam lazimnya mengandungi istilah dan konsep yang bersumberkan fiqh muamalat, penglibatan MPS adalah penting bagi memastikan padanan istilah Bahasa Melayu tidak mengubah atau mengaburkan makna Syariah yang terkandung dalam sesuatu kontrak. Dengan demikian, standardisasi terminologi perlu mengambil kira bukan sahaja kesepadanan linguistik, tetapi juga ketepatan konseptual dan Syariah. Pada masa yang sama, institusi kewangan Islam (IFI) merupakan pelaksana utama yang menterjemahkan keperluan undang-undang, pengawalseliaan dan Syariah ke dalam dokumen kontrak yang digunakan secara langsung oleh pelanggan. Institusi ini bertanggungjawab menyediakan terma dan syarat, perjanjian pembiayaan, dokumen pendedahan produk serta dokumen berkaitan yang menjadi asas kepada hubungan kontraktual.

Mahkamah pula mempunyai fungsi yang berbeza tetapi saling melengkapi. Dalam keadaan berlaku pertikaian mengenai maksud atau kesan sesuatu terma kontrak, tafsiran kehakiman menentukan bagaimana bahasa kontrak beroperasi dalam konteks undang-undang yang sebenar. Oleh itu, ketidakseragaman terminologi boleh menimbulkan kekeliruan pada peringkat pengguna dan berpotensi meningkatkan ruang pertikaian mengenai maksud sesuatu istilah atau klausa. Dalam konteks ini, penggunaan istilah yang standard, definisi yang jelas dan konsistensi antara dokumen dapat menyumbang kepada pengurangan ketidakpastian interpretatif. Perkara ini selari dengan pandangan bahawa bahasa merupakan sebahagian daripada struktur undang-undang kerana makna norma perlu ditentukan melalui teks dan proses pentafsiran.

Berbeza daripada institusi pengawalseliaan dan kehakiman, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai kepakaran institusi dalam aspek bahasa, istilah dan standardisasi terminologi kebangsaan. Penglibatan DBP adalah signifikan kerana standardisasi terminologi perbankan Islam memerlukan pendekatan yang melampaui terjemahan literal. Istilah kewangan Islam lazimnya mempunyai latar konseptual yang khusus dan sesetengah istilah Arab telah digunakan secara meluas dalam amalan industri. Oleh itu, pembangunan padanan Bahasa Melayu perlu mengambil kira ketepatan makna, konteks penggunaan, kebiasaan istilah, prinsip Syariah dan fungsi undang-undang. Dalam hal ini, DBP dapat memainkan peranan sebagai institusi kepakaran bahasa yang melengkapkan fungsi pengawalseliaan BNM dan fungsi autoritatif MPS.

Interaksi antara institusi-institusi berkaitan menunjukkan bahawa standardisasi terminologi memerlukan model tadbir urus yang bersifat kolaboratif dan bersepadu. Dalam model ini, BNM menyediakan keperluan dan konteks pengawalseliaan, MPS memastikan ketepatan konsep Syariah, institusi kewangan Islam (IFI) menterjemahkan standard kepada dokumentasi dan amalan kontrak, mahkamah memberikan konteks tafsiran serta penguatkuasaan, manakala DBP menyediakan kepakaran dalam pembentukan dan standardisasi istilah Bahasa Melayu.

#### *4.2.3 Dimensi Operasional*

Dimensi operasional merupakan komponen ketiga dalam kerangka perundangan yang dicadangkan dan berfungsi sebagai ruang penerapan norma, keputusan institusi dan standard pengawalseliaan ke dalam amalan dokumentasi kontrak perbankan Islam. Jika dimensi normatif memberikan asas perundangan dan dimensi institusi menyediakan mekanisme penyelarasan serta pelaksanaan, dimensi operasional menentukan bagaimana keperluan tersebut diterjemahkan ke dalam dokumen yang digunakan secara langsung dalam hubungan antara institusi kewangan Islam dengan pelanggan. Dalam konteks ini, dokumentasi kontrak bukan sekadar rekod transaksi, tetapi merupakan instrumen yang menghubungkan peraturan perundangan dengan hak dan kewajiban pihak-pihak yang berkontrak.

Dokumentasi kontrak perbankan Islam merangkumi pelbagai bentuk dokumen, termasuk perjanjian pembiayaan, terma dan syarat, dokumen pendedahan produk, borang permohonan serta dokumen sokongan yang berkaitan dengan sesuatu produk kewangan. Kepelbagaian dokumen tersebut menjadikan konsistensi penggunaan bahasa dan istilah satu keperluan penting. Sesuatu istilah yang digunakan dalam dokumen utama tetapi mempunyai maksud atau padanan yang berbeza dalam dokumen berkaitan boleh menimbulkan kekeliruan terhadap skop hak, kewajiban atau risiko pelanggan.

Oleh itu, standardisasi perlu dilaksanakan merentas keseluruhan rangkaian dokumentasi dan bukan hanya pada dokumen kontrak utama.

Dalam perspektif *legal infrastructure*, dokumen kontrak sebagai salah satu komponen sosio-teknikal yang membolehkan norma undang-undang berfungsi dalam amalan. Undang-undang dan dasar pengawalseliaan menetapkan prinsip serta kewajipan, tetapi pelanggan lazimnya berhadapan dengan prinsip tersebut melalui teks kontrak dan dokumen pendedahan. Dengan demikian, terdapat satu proses penerjemahan daripada norma abstrak kepada bahasa kontrak yang bersifat praktikal. Keberkesanan proses ini bergantung kepada sejauh mana kandungan normatif dapat disampaikan dengan tepat, konsisten dan dapat difahami oleh pihak yang berkontrak.

Dalam konteks perbankan Islam, proses tersebut mempunyai cabaran tambahan kerana dokumentasi kontrak lazimnya melibatkan istilah yang berasal daripada fiqh muamalat, perundangan kontrak, kewangan dan amalan industri. Sesetengah istilah mempunyai makna teknikal yang tidak boleh disamakan dengan penggunaan bahasa umum. Pada peringkat operasional, salah satu mekanisme yang boleh digunakan ialah pembangunan dan penggunaan klausa serta struktur dokumentasi yang lebih seragam. Klausa yang mempunyai fungsi dan kesan undang-undang yang sama wajar menggunakan istilah yang konsisten antara produk dan institusi, tertakluk kepada keperluan khusus produk berkenaan. Pendekatan ini dapat mengurangkan variasi yang tidak diperlukan dalam penggunaan istilah dan pada masa yang sama memudahkan proses semakan, pematuhan serta pentafsiran dokumen. Penggunaan glosari istilah juga merupakan mekanisme operasional yang penting. Glosari dapat berfungsi sebagai titik rujukan bersama bagi penyedia dokumen, pegawai pematuhan, penasihat Syariah, pegawai undang-undang dan pihak yang terlibat dalam penyediaan produk.

Aspek operasional ini mempunyai hubungan langsung dengan persoalan kebolehfahaman kontrak. Blasie (2024) menekankan kepentingan kebolehfahaman sebagai salah satu prasyarat kepada persetujuan kontrak yang bermakna. Dalam konteks perbankan Islam, pelanggan perlu diberikan akses kepada dokumen yang membolehkan mereka memahami sifat transaksi, hak, kewajipan dan risiko yang dipersetujui. Oleh itu, dokumentasi yang lebih tersusun dan konsisten dari sudut istilah dapat menyokong pembentukan *meaningful assent*. Walau bagaimanapun, kebolehfahaman tidak boleh disamakan dengan penyederhanaan bahasa secara berlebihan. Istilah teknikal yang mempunyai implikasi undang-undang perlu dikekalkan ketepatannya, manakala maknanya perlu dijelaskan dengan cara yang sesuai kepada pengguna.

Selain itu, dimensi operasional perlu mengambil kira perkembangan digitalisasi perkhidmatan kewangan. Terkini, dokumentasi kontrak boleh disampaikan dalam bentuk fizikal, dipaparkan melalui aplikasi mudah alih, platform perbankan dalam talian atau dokumen elektronik. Perubahan medium penyampaian tidak mengurangkan kepentingan ketepatan bahasa. Sebaliknya, ia meningkatkan keperluan terhadap terminologi yang konsisten kerana istilah yang sama mungkin muncul dalam kontrak, paparan digital, notis, ringkasan produk dan komunikasi elektronik. Oleh itu, standardisasi terminologi perlu direka bentuk supaya dapat digunakan merentas format dan saluran dokumentasi.

Berdasarkan analisis di atas, dimensi operasional boleh dirumuskan melalui tiga mekanisme utama, iaitu standardisasi dokumen, standardisasi klausa dan pembangunan

glosari terminologi. Ketiga-tiga mekanisme ini bertindak sebagai saluran penerapan antara keputusan institusi dengan penggunaan sebenar Bahasa Melayu dalam kontrak.

#### *4.2.4 Dimensi Terminologi*

Dimensi terminologi merupakan teras utama dalam kerangka yang dicadangkan kerana dimensi ini menjadi penghubung langsung antara bahasa, makna undang-undang dan kebolehfahaman dokumentasi kontrak. Jika dimensi normatif menyediakan asas perundangan, dimensi institusi menyediakan struktur tadbir urus dan dimensi operasional menerjemahkan keperluan tersebut ke dalam dokumen, dimensi terminologi pula menentukan bagaimana konsep perundangan, kewangan dan Syariah dinyatakan secara tepat dan konsisten dalam Bahasa Melayu. Dengan demikian, standardisasi terminologi sebagai proses pembentukan dan pengurusan makna yang mempunyai implikasi terhadap keberkesanan undang-undang. (Glogar, 2023; Blandino, 2024)

Berdasarkan analisis kajian ini, standardisasi terminologi dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam perlu berasaskan sekurang-kurangnya empat prinsip utama, iaitu ketepatan konsep, konsistensi istilah, kesepadanan bahasa dan ketepatan Syariah. Keempat-empat prinsip ini saling berkait dan perlu diterapkan secara serentak kerana kelemahan pada salah satu prinsip boleh menjejaskan keberkesanan keseluruhan standard terminologi.

Pertama, ketepatan konsep merujuk kepada keupayaan sesuatu istilah Bahasa Melayu untuk mewakili konsep undang-undang, kewangan atau Syariah yang hendak disampaikan. Prinsip ini penting kerana terjemahan literal tidak menghasilkan istilah yang mempunyai kesan atau makna yang sama. Dalam dokumentasi kontrak, sesuatu istilah perlu difahami berdasarkan fungsi dan kesan undang-undangnya, bukan semata-mata berdasarkan makna kamus. Oleh itu, proses pembentukan istilah perlu melibatkan analisis konsep, konteks penggunaan dan hubungan istilah tersebut dengan istilah lain dalam sesuatu transaksi.

Kedua, konsistensi istilah merujuk kepada penggunaan istilah yang sama bagi konsep yang sama merentas dokumen, produk dan institusi, kecuali terdapat alasan konseptual atau undang-undang yang membenarkan perbezaan tersebut. Konsistensi penting bagi mengelakkan satu konsep mempunyai beberapa padanan istilah yang berbeza sehingga menimbulkan persoalan sama ada istilah tersebut mempunyai makna yang sama atau berbeza. Dalam konteks kontrak, konsistensi juga perlu dipastikan antara perjanjian utama, terma dan syarat, dokumen pendedahan produk, borang dan bahan komunikasi pelanggan. Dengan demikian, standardisasi terminologi melengkapkan usaha standardisasi dokumentasi yang telah dibincangkan dalam dimensi operasional.

Ketiga, kesepadanan bahasa merujuk kepada keupayaan istilah yang digunakan untuk menyampaikan makna dalam Bahasa Melayu dengan jelas, tepat dan sesuai dengan sifat bahasa undang-undang. Prinsip ini tidak bermaksud semua istilah teknikal perlu dipermudah sehingga kehilangan ketepatan. Sebaliknya, bahasa yang digunakan perlu membolehkan pengguna mengenal pasti maksud istilah tersebut dalam konteks kontrak. Dalam hal ini, Guli dan Hoti (2025) memberikan asas penting bahawa bahasa undang-undang mempunyai ciri teknikal tersendiri dan proses terjemahan undang-undang memerlukan pertimbangan linguistik serta teknikal secara serentak.

Keempat, ketepatan Syariah merupakan prinsip yang membezakan standardisasi terminologi perbankan Islam daripada standardisasi bahasa kontrak konvensional. Sesuatu istilah yang kelihatan tepat dari sudut linguistik mungkin tidak tepat dari sudut konsep Syariah. Oleh itu, pengesahan terminologi perlu mengambil kira sumber dan struktur akad yang digunakan, keputusan serta pandangan autoriti Syariah yang berkaitan dan konteks penggunaannya dalam produk kewangan Islam. Prinsip ini juga menunjukkan kepentingan kerjasama antara pakar bahasa, pakar undang-undang, pakar kewangan Islam dan sarjana Syariah dalam proses pembangunan terminologi.

Keempat-empat prinsip tersebut menunjukkan bahawa standardisasi terminologi merupakan proses multidisiplin. Ia tidak boleh dilaksanakan hanya melalui terjemahan bahasa atau keputusan satu institusi. Sebaliknya, pembangunan istilah memerlukan satu proses yang merangkumi pengenalan istilah, analisis konsep, pembentukan padanan Bahasa Melayu, pengesahan undang-undang dan Syariah, penetapan definisi serta penggunaan secara konsisten dalam dokumentasi. Pendekatan sedemikian lebih selari dengan konsep legal infrastructure yang melihat undang-undang sebagai susunan yang melibatkan norma, amalan sosial dan unsur material atau sosio-teknikal yang saling berhubungan.

Berdasarkan prinsip di atas, pembangunan glosari terminologi perundangan kewangan Islam Bahasa Melayu dicadangkan sebagai repositori terminologi yang mengandungi istilah Bahasa Melayu standard, istilah asal, definisi, konsep undang-undang atau Syariah yang berkaitan, konteks penggunaan dan bentuk istilah yang disyorkan. Mekanisme tersebut membolehkan istilah yang telah dipersetujui digunakan secara konsisten dalam dokumen kontrak dan pada masa yang sama memudahkan proses semakan serta kemas kini apabila berlaku perkembangan dalam produk atau peraturan kewangan Islam.

Pendekatan ini juga memperlihatkan bahawa standardisasi terminologi mempunyai hubungan dua hala dengan institusi. Di satu pihak, institusi menyediakan autoriti dan kepakaran untuk menentukan istilah; di pihak yang lain, terminologi standard menyediakan instrumen yang membolehkan institusi melaksanakan fungsi mereka secara lebih konsisten. Oleh itu, dimensi terminologi tidak berdiri secara berasingan daripada dimensi normatif, institusi dan operasional. Sebaliknya, ia merupakan titik pertemuan keempat-empat komponen tersebut sebelum menghasilkan kesan kepada pengguna.

## 5. Kesimpulan

Pemeriksaan Bahasa Melayu dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam di Malaysia tidak boleh dilihat semata-mata sebagai persoalan penggunaan bahasa kebangsaan atau penterjemahan dokumen. Sebaliknya, bahasa merupakan sebahagian daripada infrastruktur yang membolehkan norma undang-undang disampaikan, difahami dan dilaksanakan dalam hubungan kontraktual. Berdasarkan perspektif Guli dan Hoti mengenai hubungan intrinsik antara bahasa dengan undang-undang serta konsep legal infrastructure yang dikemukakan oleh Byrne et al., artikel ini menunjukkan bahawa keberkesanan kerangka perundangan bergantung bukan sahaja kepada kewujudan norma dan institusi, tetapi juga kepada proses dan mekanisme yang menghubungkan norma tersebut dengan pengalaman pengguna.

Artikel ini mencadangkan satu kerangka perundangan yang mengintegrasikan lima dimensi, iaitu normatif, institusi, operasional dan terminologi. Kerangka tersebut

menunjukkan bahawa standardisasi dokumentasi sebagai sebahagian daripada *legal infrastructure* perbankan Islam. Dalam konteks ini, standardisasi terminologi berfungsi untuk memastikan ketepatan konsep, konsistensi istilah, kesepadanan bahasa dan ketepatan Syariah.

Sumbangan utama artikel ini terletak pada peralihan daripada pendekatan standardisasi dokumen kepada standardisasi makna. Pendekatan tersebut memperluas perbincangan tentang penggunaan Bahasa Melayu dalam undang-undang dengan menghubungkan isu terminologi kepada kebolehfahaman kontrak, meaningful assent, perlindungan pengguna dan kepastian undang-undang. Dengan demikian, pemerkasaan Bahasa Melayu tidak lagi dilihat sebagai elemen tambahan dalam dokumentasi perbankan Islam, tetapi sebagai salah satu mekanisme yang menyokong keberkesanan pelaksanaan undang-undang.

Pelaksanaan kerangka yang dicadangkan memerlukan kerjasama antara BNM, MPS, DBP, institusi kewangan Islam, mahkamah dan pakar dalam bidang undang-undang, Syariah, kewangan serta bahasa. Pembangunan glosari nasional dan mekanisme standardisasi yang dinamik dapat menjadi langkah awal ke arah pembentukan ekosistem terminologi perundangan kewangan Islam yang lebih konsisten. Pada masa yang sama, penglibatan pengguna melalui ujian kebolehfahaman dapat memastikan standardisasi yang dibangunkan tidak hanya tepat dari sudut teknikal, tetapi juga berfungsi dalam realiti hubungan kontraktual. Kesimpulannya, Bahasa Melayu yang standard, tepat dan difahami merupakan sebahagian daripada kepastian undang-undang dalam dokumentasi kontrak perbankan Islam. Pemerkasaan bahasa dalam konteks ini bukan sekadar memenuhi tuntutan bahasa kebangsaan, tetapi berpotensi memperkukuh kualiti dokumentasi, meningkatkan kefahaman pelanggan dan menyokong pembentukan hubungan kontraktual yang lebih adil, telus dan berkesan.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

This study did not involve human participants, personal data or animal subjects. It was based on doctrinal legal research and analysis of legal research and analysis of legal and documentary sources.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

The author acknowledges the academic support and research resources provided by Universiti Kebangsaan Malaysia and also gratefully acknowledges the support received through grant uu-2025-012 Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Kewangan (*Funding*)**

This research was supported by Grant UU-2025-012, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

The authors declare no conflict of interest.

## Rujukan

- Alhomoud, G. N. J. (2022). On translating and drafting Sharia legal terms and expressions in Saudi contracts. *Education Research International*. Article 7167970.
- Bank Negara Malaysia. 2022. Financial Sector Blueprint 2022–2026.
- Blandino, P. (2024). The Possibility of a Uniform Legal Language at the Interplay of Legal Discourse, Semiotics and Blockchain Networks. *Interantional Journal Semiot Law* 37, 2083–2111.
- Blasie, M. A.( 2024). The duty to make contracts understandable. *Columbia Business Law Review*, 2024(2), 467–544.
- Byrne, W. H., Gammeltoft-Hansen, T., & Stappert, N. (2024). Legal infrastructures: Towards a conceptual framework. *German Law Journal*, 25(8), 1229–1246.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. n.d. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endicott, Timothy. A. O.( 2000).Vagueness in law. Oxford University Press.
- Fuller, L. L.(1969). The morality of law (Rev. ed.). Yale University Press.
- Glogar, O. (2023). The concept of legal language: What makes legal language 'legal'? *International Journal for the Semiotics of Law*, 36, 1081–1107.
- Guli, P., & Hoti, N.( 2025). Law and legal language: A comparative analysis of legal and linguistic rules. *Juridical Tribune Review of Comparative and International Law*, 15(1), 63–75.
- JRI Resources Sdn Bhd v Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad; President of Association of Islamic Banking Institutions Malaysia & Anor (Intervenors) [2019] 3 MLRA 87.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2023). Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023–2030. Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Malaysia. (1950). Contracts Act 1950 (Act 136). Laws of Malaysia.
- Malaysia.( 1957). Federal Constitution. Laws of Malaysia.
- Malaysia.( 2009). Central Bank of Malaysia Act 2009 (Act 701). Laws of Malaysia.
- Malaysia.( 2013). Islamic Financial Services Act 2013 (Act 759). Laws of Malaysia.
- Markom, R., Pitchay, S. A., Zainol, Z. A., Abdul Rahim, A., & Merican, R. M. A. R. (2011). Adjudication of Islamic banking and finance cases in the civil courts of Malaysia. *European Journal of Law and Economics*, 36(1), 1–20.
- Mohd Alias Ibrahim v RHB Bank Bhd & Anor [2011] 3 MLJ 26.
- Mohd Yusoff, S. S., Oseni, U. A., Engku Ali, E. R. A., & Rapi, M. Z. H. (2025). Customers' legal awareness and legal understanding on the contract of adhesion for Islamic home financing in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Mohd Yusoff, S.S. and Oseni, U.A. (2019). Standardisation of legal documentation in Islamic home financing in Malaysia: a literature survey. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 10 No. 3.ms. 448-465.
- Rahman, M. M., Karim, A., & Singh, M. K. M.( 2022). English language policy and planning: Issues and outcomes. *The Journal of Asia TEFL*, 19(3), 1079–1087.
- Rustad, M. L. (2022). Why a new deal must address the readability of U.S. consumer contracts. *Cardozo Law Review*, 44(2), 521–594.
- Sinal, M. (2019). Designing legal language in strengthening: The degree of legal certainty. *Journal of Law, Policy and Globalization*, 81, 94–100.
- Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim v Bank Islam Malaysia Berhad [2012] 5 MLRA 402.